

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI UNDANG-UNDANG**

<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>: PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>: L41, L44, L48, L52, L54</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>: 1 JULAI 2016</b>
<b>SYARAT LANTIKAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) warganegara Malaysia;</li><li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan</li><li>(c) (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00); atau (ii) lulus Peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination). (Gaji permulaan ialah pada Gred L41: RM2,418.00).</li></ol></li></ol>
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</li></ol>
<b>SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-undang atau Jurubahasa Gred LA29/30, LA32, LA38, LA40 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan</li><li>(b) had umur pelantikan:<ol style="list-style-type: none"><li>(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau</li><li>(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau</li><li>(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.</li></ol></li></ol></li></ol>
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred L41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.</li></ol>
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.</li></ol>
<b>LATIHAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</li></ol>

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA**

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

**KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED L44**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED L48**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED L52**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED L54**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE KUMPULAN PENGURUSAN  
TERTINGGI**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
11. Pegawai Undang-undang Gred L41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L44 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
12. Pegawai Undang-undang Gred L44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L48 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
13. Pegawai Undang-undang Gred L48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L52 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
14. Pegawai Undang-undang Gred L52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Undang-undang Gred L54 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
15. Pegawai Undang-undang Gred L54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Undang-undang yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**

**GRED JAWATAN/GAJI** : **L29, L32, L38, L40**

**TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29: RM1,773.00); atau
  - (d) diploma undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L29: RM1,847.86).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Undang-undang) dan Jurubahasa Gred LA19, LA22, LA26 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Undang-undang Gred L29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**
- TEMPOH PERCUBAAN**
- LATIHAN**
- PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA/PEPERIKSAAN**
- PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
- KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**
- KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED L32**
- KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED L38**
- KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED L40**
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred L29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
  5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
  6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
  10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
  11. Penolong Pegawai Undang-undang Gred L29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Undang-undang Gred L32 yang kosong apabila telah:
    - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
    - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  12. Penolong Pegawai Undang-undang Gred L32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Undang-undang Gred L38 yang kosong apabila telah:
    - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  13. Penolong Pegawai Undang-undang Gred L38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Undang-undang Gred L40 yang kosong apabila telah:
    - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PEGAWAI UNDANG-UNDANG  
GRED L41**

14. Penolong Pegawai Undang-undang yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Undang-Undang Gred L41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-undang yang berkuat kuasa pada 2.1.2011 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2010).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU TADBIR (UNDANG-UNDANG)**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**

**GRED JAWATAN/GAJI** : **L19, L22, L26, L28**

**TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L19: RM1,355.00); atau
  - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L19: RM1,411.40); atau
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred L19: RM1,467.80).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred L19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA/PEPERIKSAAN**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

10. Pembantu Tadbir (Undang-Undang) Gred L19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Undang-Undang) Gred L22 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED L26**

11. Pembantu Tadbir (Undang-Undang) Gred L22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Undang-Undang) Gred L26 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED L28**

12. Pembantu Tadbir (Undang-Undang) Gred L26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Undang-Undang) Gred L28 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PENOLONG PEGAWAI  
UNDANG-UNDANG GRED L29**

13. Pembantu Tadbir (Undang-Undang) yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Undang-Undang Gred L29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Undang-Undang) yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002) dan 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009).

**SKIM PERKHIDMATAN  
JURUBAHASA**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**

**GRED JAWATAN/GAJI** : **LA19, LA22, LA26,  
LA29/30, LA32, LA38, LA40**

**TARIKH KUAT KUASA** : **1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED LA19**

**Jurubahasa Melayu atau Jurubahasa Selain Bahasa Melayu**

- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred LA19: RM1,355.00); atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred LA19: RM1,411.40); atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat peperiksaan tersebut serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred LA19: RM1,467.80).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED LA29**

**Jurubahasa Bahasa Melayu atau Jurubahasa Selain Bahasa Melayu**

- (d) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred LA29: RM1,513.00); atau

- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred LA29: RM1,513.00); atau
- (iii) diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred LA29: RM1,772.65).
- SYARAT UJIAN LISAN BAHASA/DIALEK**
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
- TEMPOH PERCUBAAN**
- LATIHAN**
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED LA22**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED LA26**
2. Calon bagi lantikan Jurubahasa selain Bahasa Melayu hendaklah lulus Ujian Lisan bahasa/dialek berkaitan yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Melantik.
  3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
  4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
  5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
  6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
  10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
  11. Jurubahasa Gred LA19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred LA22 yang kosong apabila telah:
    - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
    - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (d) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  12. Jurubahasa Gred LA22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred LA26 yang kosong apabila telah:

- KENAIKAN PANGKAT KE GRED LA30**
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
13. (a) Jurubahasa Gred LA19 atau LA22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred LA30 yang kosong apabila telah:
- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (ii) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d);
  - (iii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (v) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (b) Jurubahasa Gred LA26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred LA30 yang kosong apabila telah:
- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (iii) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
14. Jurubahasa Gred LA29/30 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred LA32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
15. Jurubahasa Gred LA32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred LA38 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
16. Jurubahasa Gred LA38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurubahasa Gred LA40 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
17. Jurubahasa Gred LA19, LA22, LA26 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Undang-Undang Gred L29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED LA32**

**KENAIKAN PANGKAT| KE GRED LA38**

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED LA40**

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG GRED L29**

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PEGAWAI UNDANG-UNDANG  
GRED L41**

18. Jurubahasa Gred LA29/30, LA32, LA38, LA40 yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Undang-Undang Gred L41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Jurubahasa yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 32 Tahun 2005) dan 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI SYARIAH**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN**

: **PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN**

: **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**GRED JAWATAN/GAJI**

: **LS41, LS44, LS48, LS52, LS54**

**TARIKH KUAT KUASA**

: **1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred LS41: RM2,418.00); atau
  - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian Syariah atau Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah) serta Diploma Lanjutan Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred LS41: RM2,418.00).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Syariah Gred LS41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred LS41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA**

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

**KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED LS44**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED LS48**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED LS52**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED LS54**

**KENAIKAN PANGKAT  
KE KUMPULAN PENGURUSAN  
TERTINGGI**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
11. Pegawai Syariah Gred LS41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Syariah Gred LS44 yang kosong apabila telah:
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
12. Pegawai Syariah Gred LS44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Syariah Gred LS48 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
13. Pegawai Syariah Gred LS48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Syariah Gred LS52 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
14. Pegawai Syariah Gred LS52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Syariah Gred LS54 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
15. Pegawai Syariah Gred LS54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Syariah yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI SYARIAH**

<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>: PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PELAKSANA</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>: LS29, LS32, LS38, LS40</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>: 1 JULAI 2016</b>
<b>SYARAT LANTIKAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) warganegara Malaysia;</li><li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan</li><li>(c) (i) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred LS29: RM1,494.00); atau (ii) diploma dalam bidang pengajian Islam (syariah) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred LS29: RM1,772.65).</li></ol></li></ol>
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</li></ol>
<b>SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Syariah adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan</li><li>(b) had umur pelantikan:<ol style="list-style-type: none"><li>(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau</li><li>(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau</li><li>(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.</li></ol></li></ol></li></ol>
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred LS29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.</li><li>5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.</li></ol>
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	

- LATIHAN**
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED LS2**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED LS38**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED LS40**
6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- memenuhi tempoh percubaan;
  - hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
11. Penolong Pegawai Syariah Gred LS29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS32 yang kosong apabila telah:
- disahkan dalam perkhidmatan;
  - mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
12. Penolong Pegawai Syariah Gred LS32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS38 yang kosong apabila telah:
- mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
13. Penolong Pegawai Syariah Gred LS38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS40 yang kosong apabila telah:
- mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PEGAWAI SYARIAH GRED LS41**

14. Penolong Pegawai Syariah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Syariah Gred LS41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Syariah yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2003).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU SYARIAH**

<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>: PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PELAKSANA</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>: LS19, LS22, LS26, LS28</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>: 1 JULAI 2016</b>

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
    - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta:
      - Kepujian dalam salah satu subjek Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiah; dan
      - Lulus dalam subjek Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab (Komunikasi).(Gaji permulaan ialah pada Gred LS19: RM1,355.00); atau
    - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred LS19: RM1,411.40); atau
    - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred LS19: RM1,467.80).
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred LS19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED LS22**

10. Pembantu Syariah Gred LS19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Syariah Gred LS22 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED LS26**

11. Pembantu Syariah Gred LS22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Syariah Gred LS26 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED LS28**

12. Pembantu Syariah Gred LS26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Syariah Gred LS28 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PENOLONG PEGAWAI  
SYARIAH GRED LS29**

13. Pembantu Syariah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Syariah Gred LS29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Syariah yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2003) dan 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009).